

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hutang Kerajaan Sabah kepada Kerajaan Pusat dan adakah Kementerian akan menghapuskan hutang tersebut memandangkan Sabah telah lama hilang hak kepada Pembayaran Khas (jumlah yang sebenar) yang termaktub di Bahagian 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Baki Belum Selesai bagi pinjaman Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 30 September 2017 adalah berjumlah sebanyak RM2.81 bilion. Jumlah ini meliputi pinjaman bagi projek Perumahan Awam Kos

Rendah, Bekalan Air, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Pelbagai. Pinjaman ini perlu dijelaskan mengikut Jadual Bayaran Balik yang telah dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Oleh yang demikian, isu mengenai hapus kira hutang adalah tidak berbangkit.